



Headline: Guru sekolah mamandu rugi RM6,000 ditipu

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 16 March 2020

Language: Malay

Section: Tempatan

Page: 1

GURU SEKOLAH MEMANDU RUGI RM6,000 DITIPU

SIBU: Seorang guru sekolah memandu berputih mata selepas wang sebanyak RM6,000 dalam akaun bank miliknya dikebas sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai Unit Perundangan Bahagian Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dari Cyberjaya, Selangor.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, mangsa, 52, telah menerima panggilan telefon daripada suspek sekitar jam 11.10 pagi Sabtu yang meminta maklumat peribadi mangsa kononnya untuk penyemakan.

"Hasil semakan, suspek memaklumkan mangsa mempunyai sebuah syarikat yang berhutang dengan LHDN sebanyak RM13,700.76 dan mangsa diminta membuat pembayaran," jelasnya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, lelaki terbabit yang diarah untuk membuat laporan polis telah disambungkan dengan Sarjan David dari Bukit Aman.

"Sarjan David telah meminta maklumat perbankan milik mangsa dengan meminta 'username' dan kata laluan untuk tujuan semakan.

"Disebabkan percaya Sarjan David adalah polis, mangsa telah memberi maklumat perbankan tanpa rasa curiga.

"Mangsa telah menerima pesanan ringkas Kod Pengesahan Transkasi (TAC) dan memberi nombor TAC kepada Sarjan David.

"Selang beberapa minit Sarjan David telah menghubungi mangsa dan memaklumkan tiada wang berjumlah RM200,000 dalam akaun milik mangsa dan menyatakan akaunnya dalam keadaan bersih," ujarnya.

Sekitar jam 12.50 petang, Stanley berkata, mangsa telah membuat semakan disebabkan berasa curiga.

"Hasil semakan mendapati wang berjumlah RM6,000 dalam akaun mangsa telah dipindahkan ke akaun yang tidak dikenali," jelasnya.

Menurutnya, modus operadi suspek memperdaya mangsa untuk menyerahkan maklumat perbankan dan nombor TAC bagi pembersihan akaun bank yang tidak wujud.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Kesekeaman," katanya.